


NO. SEBUT HARGA: IPL.SH. 12/2024**PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN MILIK JABATAN LAUT MALAYSIA (PENJUALAN
KENDERAAN AIR - BOT UKUR IV TERPAKAI)**Kementerian/Jabatan: **JABATAN LAUT MALAYSIA**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	No. Siri Pendaftaran	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	Bot Ukur 4 Terpakai Lokasi: Jeti Jabatan Laut Wilayah Tengah, Jln Foreshore, Pelabuhan Klang, Selangor.	MOT/IPLP/H/24/1	1	23,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **19 Mac 2024** hingga **3 April 2024** di antara jam **10.00 pagi** hingga **12.00 tengah hari** di lokasi yang dinyatakan di atas. Bagi mendapat bantuan, penyebut harga boleh berhubung dengan **Nabil Aiman Bin Mohamad** di talian **011 – 31240702** atau **Yusof Latif Bin Ali** di talian **012 – 3918875**.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4(i). Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat dan di tanda No. Sebut Harga IPL.SH. 12/2024 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:
- i) Tempat Mengambil Borang/Lokasi
Peti Sebut Harga:
Ibu Pejabat,
Jabatan Laut Malaysia,
Menara Dius Api
Unit Perolehan, Aras 7,
PT664, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.
- ii) Alamat bagi menghantar dokumen melalui pos:
Ketua Pengarah,
Jabatan Laut Malaysia,
Ibu Pejabat,
Menara Dius Api,
PT 644, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.
5. Tarikh tutup sebut harga pada **3 April 2024** jam **12.00** tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Tandatangan 
 Nama Pegawai : Siti Nor Paizal Binti Husin
 Jawatan : Pegawai Laut AL44
 Tarikh : 19 Mac 2024

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5 % daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-MOT-T**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.